

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN  
MALEK [ KUALA PILAH ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan bin Malek [ Kuala Pilah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan oleh kerana, banyak ketirisan dan kebocoran rahsia rasmi Kerajaan berlaku, adakah Kerajaan berhasrat meminda seksyen 3 Akta Rahsia Rasmi 1972 supaya mereka yang tidak amanah ini dikenakan tindakan yang lebih berat dan setimpal dengan perbuatan mereka yang mengkhianati Kerajaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan melalui Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) sedang membuat kajian dan semakan bagi meminda peruntukan-peruntukan sedia ada dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. Pindaan ini akan mengambilkira elemen pencegahan dan melindungi maklumat rahsia rasmi Kerajaan dari dibocorkan atau didedahkan sewenang-wenangnya oleh pegawai awam atau mana-mana individu yang memilikinya atau dibawah kawalannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 26 MEI 2016 (KHAMIS)**

**SOALAN : 49**

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status mutakhir kes siasatan ke atas pesawat MH370 dan pengajaran yang diperoleh serta pengemaskinian SOP Jabatan Penerbangan Awam (DCA) yang terhasil sekiranya ada.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, siasatan ke atas kemalangan udara pesawat MH370 masih lagi diteruskan. Dalam huungan ini, Pasukan Penyiasat Bebas Antarabangsa MH370 telah mengeluarkan *Interim Statement* pada ulangtahun pertama dan kedua kehilangan pesawat masing-masing pada 8 Mac 2015 dan 8 Mac 2016 berhubung dapatan awal siasatan. Pasukan penyiasat akan mengeluarkan satu laporan penuh berhubung hasil siasatan termasuk syor penambahbaikan bagi keselamatan penerbangan awam setelah keseluruhan siasatan selesai.

Dapatan daripada hasil laporan tersebut akan digunakan oleh Kerajaan sebagai asas untuk mengemukakan syor-syor penambahbaikan secara holistik terhadap industri penerbangan awam negara termasuk pengemaskinian SOP Jabatan Penerbangan Awam (DCA). Selanjutnya, Kerajaan akan mengambil tindakan penambahbaikan yang sewajarnya berdasarkan syor-syor daripada jawatankuasa penyiasat antarabangsa ini.